

# Penyenaraian Felda ke

UM - 0 NOV 2003

**P**UTRAJAYA 5 Nov. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan menangguhkan dahulu usaha penyenaraian Felda di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bagi memastikan kepentingan dan kebajikan para peneroka dilindungi.

Perdana Menteri berkata, Kabinet mahu satu kajian yang lebih teliti dibuat terutamanya mengenai nasib para peneroka bagi mengelakkan mereka kecewa sekiranya penyenaraian yang dirancangkan itu diteruskan.

“Kabinet telah buat keputusan, kita kena tunggu dulu dan perlu buat kajian lebih mendalam lagi, yang pentingnya mesti ambil kira (nasib) peneroka-peneroka.

“Kita tidak mahu peneroka nanti buat andaian bahawa kepentingan serta kebajikan mereka tidak diambil kira langsung dan dengan itu tentulah mereka akan kecewa.

“Kalau perasaan itu tidak dibendung, mungkin ia akan dieksploitasi oleh golongan-golongan yang hendak mencari pasal,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinetnya yang pertama selaku Perdana Menteri, di pejabatnya, di sini hari ini.

Abdullah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima pada Jumaat lalu selepas persaraan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Abdullah diminta mengulas pendirian

kerajaan mengenai penyenaraian Felda yang diumumkan ketika pembentangan Bajet 2004 oleh Dr. Mahathir pada September.

Dr. Mahathir pada 12 September menyatakan penyenaraian Felda yang dijangka dibuat pada akhir tahun ini akan membolehkan ladang seluas hampir 400,000 hektar yang dimiliki sepenuhnya oleh agensi itu melalui anak syarikatnya, Felda Holdings Sdn. Bhd., akan dikomersialkan.

Kira-kira 837,000 hektar lagi ladang yang dimiliki oleh peneroka akan dikekalkan statusnya.

Kerajaan turut menyatakan akan mencari jalan bagi memastikan para peneroka

## BSKL ditunda

juga dapat menikmati faedah penyenaraian Felda Holdings itu nanti.

Sementara itu, mengenai projek pembinaan landasan kereta api berkembar bernilai lebih RM14 bilion yang merentasi Semenanjung, Abdullah berkata, kerajaan tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk memberikan kontrak berkenaan kepada syarikat dari India ataupun China.

“Saya perlu sebut begini; kita hanya mempunyai tanggungjawab untuk memberikan kontrak itu kepada mereka yang menawarkan harga terbaik,” tegas Perdana Menteri.

Projek landasan berkembar itu merupakan sebahagian daripada lingkaran merentasi Asia antara Singapura dan Kunming

berjumlah kira-kira RM114 bilion yang dimulakan sebagai satu inisiatif kerajaan-dengan-kerajaan.

Ia melibatkan perjanjian perdagangan balas antara Malaysia dan India serta Malaysia dan China bagi membayar kira-kira lapan juta tan minyak kelapa sawit sebagai pertukaran kepada kerja-kerja pembinaan landasan dalam tempoh lima tahun.

Bagaimanapun, sebuah usaha sama tempatan antara Malaysia Mining Corporation Bhd. dan Gamuda Bhd. telah diberikan kontrak berkenaan pada 22 Oktober lalu selepas kedua-dua syarikat daripada India dan China gagal menawarkan harga yang berpatutan dengan tawaran asal berjumlah RM42 bilion.